

24 NOV 2002
Adun-Laporan

SEMUA ADUN TELAH DIBERI PERINGATAN SUPAYA TOLAK USUL PEMBANGKANG

PULAU PINANG, 24 Nov (Bernama) -- Kesemua Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional (BN) telah diberi peringatan oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon supaya menolak dua usul yang dikemukakan parti pembangkang pada persidangan Dewan Undangan Negeri minggu lepas.

Timbalan Ketua Menteri yang juga Ketua Penyokong Kerajaan (whip) Datuk Dr Hilmi Yahaya berkata, bagaimanapun dua Adun dari MCA iaitu Tan Cheng Lian (Jawi) dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) tetap mengecualikan diri daripada mengundi bagi usul yang dibawa oleh DAP di dewan pada Khamis lepas.

Usul terbabit ialah bagi menunda Projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) yang bernilai RM1.02 bilion yang diusulkan oleh Law Heng Kiang (DAP-Batu Lanchang). Usul kedua dibangkitkan oleh Abdul Rahman Abdul Kadir (Keadilan-Penanti) mengenai pengisytiharan harta semua wakil rakyat.

"Kedua-dua Adun itu jelas melakukan pelanggaran peraturan BN secara terang-terangan kerana berkecuali dan enggan menolak usul itu yang dibawa oleh pembangkang," katanya selepas menyampaikan bantuan Hari Raya kepada 276 penduduk kurang bernasib baik anjuran Umno Bahagian Balik Pulau di sini hari ini.

"Sebenarnya, pada mesyuarat peringkat pra-dewan pada 9 Nov, di bilik mesyuarat Tingkat 28, Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) di sini lagi Ketua Menteri telah mengingatkan semua anggota Adun supaya menolak kedua-dua usul itu," katanya.

Tan dan Lim hadir pada mesyuarat itu manakala empat ADUN lagi tidak hadir dan diberikan perlepasan kerana terlibat dalam beberapa urusan lain.

Menurut Hilmi, kesemua Adun yang hadir itu diberi penerangan mengenai pelaksanaan PORR oleh wakil syarikat konsesi yang mengendalikan projek itu dan juga diberitahu mengenai kedua-dua usul pembangkang yang dijadual dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

"Ketua Menteri secara spesifik memberitahu semua Adun supaya menolak kedua-dua usul itu," katanya, sambil menambah kata, ia adalah amalan biasa dan selalunya penyokong kerajaan akan menolak usul pembangkang sebulat suara.

Usul yang dibawakan oleh Law itu meminta kerajaan negeri menangguhkan projek PORR yang menelan belanja kira-kira RM1.02 billion sehingga projek pembinaan Lebuhraya Jelutong berharga RM400 juta siap sepenuhnya.

Usul itu mendapat tiga undi iaitu daripada Law sendiri, Abdul Rahman dan Mohd Hamdan Abdul Rahman (PAS-Permatang Pasir) dan ditentang oleh 19 ADUN BN, manakala sembilan ADUN lagi tidak hadir atau berada di luar dewan.

Menurut Hilmi, ketika pengiraan undi itu dilakukan, lima ADUN iaitu Lee Hack Teik (BN-Pengkalan Kota), Lim Gim Soon (BN-Kampung Kolam), Lim Chien Aun (BN-Bayan Lepas), Syen Amerruddin Syen Ahmad (BN-Teluk Kumbar) dan Hilmi Abdul Rashid (BN-Bertam) berada di luar dewan.

Katanya, tiga ADUN lagi iaitu Datuk Dr Toh Kin Woon (BN-Machang Bubuk), Lau Chiek Tuan (BN-Berapit) dan Datuk Dr Sak Cheng Lum (BN-Bagan Jermal) tidak hadir dan diberi pelepasan oleh Ketua Menteri, manakala Abdul Roni Hasan (BN-Permatang Berangan) menunaikan Umrah di Mekah.

Hilmi juga berkata, kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi MCA Negeri Wong Kam Hong semalam bahawa kedua-dua ADUN itu tidak diberi penerangan awal mengenai usul itu adalah tidak tepat.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan bahawa undian secara individu bagi menyokong atau menolak usul yang dibawakan oleh Law seperti yang diminta

oleh Abdul Rahman kepada Speaker Datuk Yahaya Abdul Hamid itu adalah satu "kejutan".

"Kita tidak menduganya. Pada kebiasannya kita mengundi secara lisan, tetapi Abdul Rahman meminta undian secara individu dijalankan mengikut perkara 114 peraturan dewan dan Speaker membenarkannya," katanya.

Perkara itu adalah yang pertama kali berlaku di negeri ini dan BN Negeri tidak mempunyai pengalaman berhubung perkara itu.

Beliau berkata, beliau telah menyediakan laporan 10 mukasurat untuk dikemukakan kepada Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Hilmi juga berkata, BN Negeri tidak akan terjejas kerana perbuatan kedua-dua Adun itu dan BN akan terus kukuh di negeri ini.

Tindakan itu perlu diberikan perhatian yang khusus serta dikenakan tindakan sewajarnya untuk mengelakkan ia berulang lagi dan dijadikan amalan pada masa depan.

-- BERNAMA

SA PR